

PROMOSI PULANGAN TUNAI RM5.00 BULANAN KAD DEBIT HONG LEONG DI GEDUNG BARANGAN RUNCIT

Last updated on 17 Mac 2017

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Pulangan Tunai RM5.00 Bulanan Kad Debit Hong Leong (“Kad Debit”) di Gedung Barangan Runcit” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“Bank”) bermula pada **01 Januari 2017** dan berakhir pada **30 April 2017**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberiahu sebaliknya.

Terma & Syarat

KELAYAKAN

1. Promosi terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia yang merupakan Pemegang Kad Debit Bank individu Bank sedia ada (“Pemegang Kad”) sahaja.
2. Bagi mengelakkan keraguan:
 - (i) Promosi **TIDAK** terbuka kepada pelanggan bukan individu termasuk syarikat, badan korporat, pemilik tunggal, perkongsian dan amalan profesional.
3. Yang berikut **TIDAK** layak menyertai Promosi:
 - (a) Debit Kad Mach and Kad Debit Hong Leong Islamic-i;
 - (b) Pemegang Kad bagi Kad Debit Bank yang **TIDAK** dikeluarkan di Malaysia
 - (c) Pemegang Kad yang akaun Kad Debitnya **TIDAK** berkedudukan baik, dipautkan kepada Akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan (“CASA”) yang telah ditutup atau tak aktif atau melanggar mana-mana terma dan syarat Bank mengenai Akaun berkenaan pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Promosi;
 - (d) Pemegang Kad yang akaun Kad Debit mereka dipercayai telah dikendalikan secara penipuan, menyalahi undang-undang dan/atau Kad Debit mereka tak sah atau dibatalkan menurut takrif Bank pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi sehingga 31 Julai 2017;
 - (e) Pelanggan Perbankan Persendirian Bank; dan
 - (f) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki telah melakukan penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila sebelum atau semasa Tempoh Promosi.

KAEDAH PROMOSI

4. Pemegang Kad yang melakukan Transaksi Runcit dengan amaun minimum **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00)** (“Amaun Transaksi Runcit”) dalam satu resit menggunakan Kad Debit Bank di mana-mana gedung barangan runcit di dalam Malaysia di bawah Kod Kategori Peniaga (“MCC”) 5411 (“Transaksi Runcit”) semasa Tempoh Promosi akan layak mendapat pulangan tunai RM5.00 bulanan daripada Transaksi Runcit (“Pulangan Tunai”) itu.
5. Pulangan Tunai yang diperuntukkan oleh Bank bagi Promosi dihadkan pada **Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima (RM75,000.00) sahaja** bagi setiap bulan Tempoh Promosi dan **Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000.00) sahaja** sepanjang Tempoh Promosi, atas dasar siapa cepat dia dapat.
6. Bagi mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai dihadkan pada maksimum **Ringgit Malaysia Lima (RM5.00) sahaja** setiap bulan Tempoh Promosi bagi setiap Pemegang Kad.

7. Penyertaan tidak perlu didaftarkan.
8. Bagi mengelakkan keraguan, hanya Transaksi Runcit yang berjaya dicatatkan dan dipaparkan dalam sistem dan rekod Bank dengan Amaun Transaksi Runcit berkenaan berjaya didebitkan daripada CASA Pemegang Kad sahaja layak mendapat Pulangan Tunai.
9. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemaparan Transaksi Runcit berkenaan dalam CASA Pemegang Kad layak yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad tertinggal daripada menerima Pulangan Tunai bagi Promosi ini.
10. Kad Debit Pemegang Kad berserta dengan CASA sertaannya mestilah kekal sah, aktif dan terbuka pada setiap masa, jika tidak kelayakan Pulangan Tunai itu akan dilupuskan.
11. Pemegang Kad yang layak akan diberitahu oleh Bank melalui “SMS” (Khidmat Pesanan Ringkas), atau penyiaran senarai Pemegang Kad layak di laman web Bank di www.hlb.com.my (“Laman Web Bank”), dan/atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh Bank dalam masa dua belas (12) minggu selepas akhir setiap bulan Tempoh Promosi.
12. Pemegang Kad yang tidak menerima apa-apa pemberitahuan daripada Bank dalam masa dua belas (12) minggu selepas akhir setiap bulan Tempoh Promosi dianggap **TIDAK** layak atau berhak mendapat Pulangan Tunai.
13. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA Pemegang Kad yang layak dalam masa dua belas (12) minggu selepas akhir setiap bulan Tempoh Promosi dan transaksi itu akan dipaparkan dalam penyata CASA Pemegang Kad.
14. Seandainya Pulangan Tunai tidak diterima, maka Pemegang Kad yang layak adalah bertanggungjawab untuk memberitahu Bank secara bertulis tidak lewat dari satu (1) bulan kalendar dari tarikh pemberitahuan daripada Bank, jika gagal berbuat demikian maka Pulangan Tunai itu dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad yang layak dan Bank tidak akan melayani sebarang tuntutan ketidakterimaan Pulangan Tunai oleh Pemegang Kad selepas tamatnya tempoh satu (1) bulan kalendar tersebut.
15. Perkhidmatan SMS bagi Promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) (“M3Tech”), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank.
16. Visual yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan laman web adalah untuk ilustrasi semata-mata. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama visual dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk hiasan sahaja dan bukanlah sebahagian daripada Pulangan Tunai.
17. Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (**ke-3**) dan tidak boleh ditukarkan untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan.

UMUM

18. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Kad:
 - (a) bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi;
 - (b) bersetuju bahawa sebarang pembalikan (akas) Transaksi Runcit akan dikecualikan;
 - (c) bersetuju bahawa keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi dan Pulangan Tunai adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pemegang Kad dan sebarang surat-menyuarat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani;

- (d) bersetuju untuk mengakses Laman Web Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
 - (e) memberi keizinan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi kepada M3Tech untuk tujuan Promosi; dan
 - (f) bersetuju nama dan nombor Kad Pengenalan/MyKad (dalam bentuk terlindung) dipaparkan atau disiarkan dalam Laman Web Bank untuk tujuan Promosi.
19. Bank berhak:
- (a) melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad atas apa jua sebab yang dianggap wajar oleh Bank menurut budi bicaranya yang mutlak, daripada menyertai Promosi;
 - (b) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian atau menggantung atau menamatkan Promosi atas budi bicara mutlak Bank melalui penyiaran di laman web Bank, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad mengenai pemindaan tersebut; dan
 - (c) Menggantikan Pulangan Tunai di dalam ini dengan hadiah atau barangan lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlaknya, melalui penyiaran dalam Laman Web Bank atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh Bank, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad; dan
 - (d) melupuskan Pulangan Tunai jika sekiranya Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi.
20. Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Kad Debit atau mana-mana terma dan syarat berkenaan yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
21. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Web Bank akan diutamakan.
22. Terma & Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.